

22/11/1997

NEAC pemangkin pemulihan ekonomi

PENUBUHAN Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) adalah langkah terbaru kerajaan untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Majlis itu akan mencari jalan mengembalikan keteguhan pasaran wang dan saham yang jatuh akibat perbuatan spekulator dan manipulator pasaran. Disebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mempengerusikan majlis ini, kita yakin ia akan memberi kesan positif.

Sebagaimana dijelaskan Dr Mahathir, NEAC akan menggunakan pendekatan yang perlu dilakukan ketika menghadapi peristiwa 13 Mei 1969. Barangkali NEAC mampu memberi hasil yang lebih baik kerana isu yang dihadapi adalah khusus iaitu ekonomi. Tidak seperti ketika Majlis Gerakan Negara (Mageran) ditubuhkan kerana isu yang dihadapi waktu itu berpunca dari dalam negara dan masalah yang dihadapi juga begitu sensitif. Bezanya, dalam menangani isu ekonomi, semua rakyat termasuk pembangkang memberi restu dan sokongan rakyat terhadap kerajaan adalah padu. NEAC akan bertindak sebagai penasihat kepada Kabinet berbeza sewaktu Mageran yang mengambil alih fungsi Kabinet.

Sebelum ini, tidak ada badan khas yang menangani isu ini secara khusus. Masing-masing bertindak berasaskan kepada garis panduan yang diberikan dari semasa ke semasa. Jika kabur penjelasan yang diterima, pelaksanaannya juga kabur. Apabila kerajaan mengumumkan langkah berjimat-cermat, barulah semua pihak memikirkan perkara itu dengan serius. Kerajaan negeri pula membuat pengumuman terhadap apa yang akan mereka lakukan bersandarkan kepada arahan pucuk pimpinan. Langkah yang diambil oleh negeri juga berbeza-beza. Pada pandangan umum, cara pengurusan dalam menangani krisis ini tidak selaras. Ini menunjukkan perlunya sebuah badan tertinggi yang mempunyai kuasa menentukan arahan secara lebih teratur dan memberi garis panduan yang lebih kemas dan jelas. Ia bukanlah sekadar surat pekeliling yang sering dianggap sebagai arahan jabatan. Kita berurusan dengan masalah ekonomi yang serius. Oleh itu, cara arahan disampaikan dari atas ke bawah juga perlulah serius.

Dari segi kronologi berhubung isu kejatuhan pasaran ini, kita lihat setiap pihak lebih memberi tumpuan kepada soal punca kejatuhan. Dr Mahathir sudahpun bercakap mengenai perkara itu dan seluruh rakyat sudah jelas. Sekarang kita perlu berganjak pula untuk membetulkan keadaan. Bagi pihak kerajaan beberapa langkah sudah pun diambil umpamanya usaha mengurangkan import dan membanyakkan eksport keluaran tempatan, mengurangkan perbelanjaan, memberhentikan beberapa projek mega dan beberapa langkah lain yang terkandung dalam Belanjawan Negara. Ia mungkin berkesan untuk satu tempoh yang panjang tetapi bagi menangani isu berkenaan secara terperinci berasaskan perkembangan hari demi hari, isu demi isu dan sebagainya, tidak ada badan yang mengikutnya secara khusus. Walaupun kita tidak menghadapi `darurat ekonomi', dalam keadaan hari ini setiap pergerakan kita haruslah dibuat secara terancang, bukan secara ad hoc.

Hari ini setiap kementerian dan agensi tertentu yang berkaitan mungkin membuat perhitungan sendiri cara mana mereka boleh membantu menyelesaikan masalah ini. Sektor swasta pula mungkin mengikuti perkembangan dan mencari jalan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham. Keutamaan syarikat umpamanya ialah melihat bagaimana mereka harus membetulkan kedudukan kewangan syarikat sebelum

memikirkan isu ini atas kepentingan rakyat dan negara.

Meskipun kita yakin ada pandangan yang dikemukakan kepada pihak kerajaan tetapi ia dilakukan secara terpisah. Ia mungkin disampaikan secara individu atau lebih kepada sekadar pendapat. Ini kerana pandangan mereka tidak dibincangkan oleh sebuah badan khas. Oleh itu, dengan adanya majlis ini, semua pandangan mungkin boleh dibincang dan diperhalusi untuk menyelesaikan masalah ini dengan lebih berkesan.

Walaupun setakat ini anggota majlis itu belum ditentukan, kita percaya ia akan menggabungkan beberapa kementerian, ahli politik, ahli perniagaan, pakar ekonomi, wakil bank dan wakil sektor swasta. Kita juga percaya ahli pembangkang mungkin dilantik menganggotai majlis itu kerana ia bukan lagi persoalan organisasi tetapi masalah negara.

Bagi rakyat pula tugas mereka ialah memberi sokongan padu terhadap keputusan yang akan diambil oleh NEAC kerana kita yakin apa saja langkah yang diambil pasti mengambil kira kepentingan rakyat.

(END)